


SIARAN MEDIA

LEKUKAN TROPIKA (JANGMI) (Dikeluarkan pada jam 1210, 31 Disember 2014)



Ribut Tropika Jangmi melemah kepada Lekukan Tropika pada jam 1200, 31 Disember 2014. Lekukan Tropika ini boleh menyebabkan angin kencang dengan kelajuan 40-50 kmsj dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter di kawasan Perairan Sabah (Sandakan, Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman), W.P Labuan dan Sarawak. Keadaan ini berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi laut dan sukan laut.

Mengikut cerapan pada jam 1200, Lekukan Tropika ini berada pada kedudukan latitud 8.9° Utara dan longitud 121.7° Timur. Jarak paling hampir dengan bandar di Malaysia ialah 527 km ke Timur Laut Sandakan. Ianya sedang bergerak ke arah Selatan dengan kelajuan 12kmsj.

MetMalaysia akan mengemaskini maklumat berkenaan Ribu Tropika tersebut setiap 3 jam di lama sesawang MetMalaysia (www.met.gov.my). Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat cuaca terkini melalui talian *hotline* 1-300-22-1638 dan laman sosial MetMalaysia di facebook <https://www.facebook.com/malaysiamet> atau twitter <https://twitter.com/malaysiamet>.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia)
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
31 Disember 2014